



## SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN



# LAPORAN TAHUNAN 2019

## KANDUNGAN

	PRAKATA PENGERUSI	1
	RINGKASAN EKSEKUTIF	3
	LATAR BELAKANG	5
	MESYUARAT	9
	PELANTIKAN HAKIM	13
	AKADEMI KEHAKIMAN	21
	URUS SETIA SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN	46





The background features a large, ornate building with multiple golden domes and arched windows, possibly a government or historical building. This central image is framed by a thick grey border and is overlaid by a large, tilted diamond shape composed of blue and grey lines. The diamond shape contains the text "PRAKATA PENGURUSI". The entire graphic is set against a light beige background with scattered abstract geometric elements like triangles, circles, and dots in blue and grey.

## PRAKATA PENGURUSI



## PRAKATA PENGERUSI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Kebebasan Institusi Kehakiman adalah asas kepada setiap sistem undang-undang di dunia, termasuk Malaysia. Justeru, proses yang mana Hakim dilantik hendaklah bersih, telus dan bertanggungjawab. Ini adalah antara alasan utama Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Suruhanjaya) ditubuhkan; iaitu untuk mengukuhkan dan meningkatkan integriti institusi kehakiman dan memenuhi kehendak dan aspirasi rakyat untuk melihat ketelusan dan keadilan dalam sistem kehakiman Malaysia dipatuhi.



Pembentangan Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman ini bukanlah sekadar memenuhi kehendak seksyen 31 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Akta 695) tetapi untuk menunjukkan bahawa dalam menjalankan fungsi-fungsi statutorinya, Suruhanjaya ini mendukung kebebasan berterusan institusi kehakiman dan secara lanjutan, prinsip *the rule of law*.

Dengan itu, saya dengan sukacitanya mengalu-alukan pembentangan Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Tahun 2019. Semua pemegang taruh/pihak yang berkepentingan termasuk hakim, pegawai kehakiman dan perundangan, pengamal undang-undang dan orang awam boleh melihat daripada Laporan Tahunan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Tahun 2019 bahawa Suruhanjaya komited dalam melaksanakan tujuannya.

Sejak penubuhannya pada tahun 2009, pelbagai inisiatif telah dan sedang dilaksanakan oleh Suruhanjaya untuk memupuk ketelusan dan meningkatkan integriti dan kebertanggungjawaban institusi kehakiman. Salah satu daripada inisiatif tersebut adalah untuk mengkaji dan menyemak secara berterusan kandungan program latihan kehakiman bagi hakim-hakim mahkamah atasan. Inisiatif ini adalah selaras dengan perkembangan isu perundangan semasa yang lebih kompleks disebabkan pembangunan dan kemajuan teknologi.

Inisiatif lain yang diambil oleh Suruhanjaya adalah melalui penerbitan *Journal of the Malaysian Judiciary (JMJ)*. Penerbitan JMJ ini telah mencipta peluang kepada pihak lain untuk memahami pemikiran kehakiman atau *jurisprudence* semasa, melalui artikel-artikel yang ditulis oleh hakim-hakim mahkamah atasan dalam pelbagai bidang undang-undang. Penerbitan artikel-artikel ini seterusnya akan mengukuhkan budaya menulis dan belajar di kalangan hakim-hakim mahkamah atasan. JMJ telah diedarkan ke pelbagai institusi seperti universiti-universiti tempatan dan antarabangsa dan institusi kehakiman luar negara sebagai bahan rujukan.

Inisiatif berterusan ini adalah penting untuk meningkatkan kemahiran hakim-hakim mahkamah atasan dan keyakinan orang awam terhadap institusi kehakiman, yang membawa kepada secara utamanya, peneguhan *rule of law* di Malaysia.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Tan Sri Datuk Sri Panglima Richard Malanjum selaku mantan Pengurus Suruhanjaya, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop dan YBhg. Tan Sri Zaharah binti Ibrahim selaku mantan anggota Suruhanjaya yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Suruhanjaya. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YBhg. Datuk Wan Khairilanwar bin Wan Muhammad dan YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim selaku mantan Setiausaha Suruhanjaya atas pentadbiran Suruhanjaya yang lancar sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada YAA Dato' Rohana binti Yusuf, Presiden Mahkamah Rayuan, YAA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohammed, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan YA Datuk Seri Haji Mohd Zawawi bin Salleh atas pelantikan sebagai anggota Suruhanjaya yang baharu.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan Pejabat Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman yang diketuai oleh YBrs. Encik Qalam Zainuddin bin Sani yang telah menunjukkan komitmen dalam mengurus, melaksana dan memantau keberkesanan program-program Suruhanjaya.

**TAN SRI TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT**  
Ketua Hakim Negara  
*merangkap*  
Pengerusi Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman



The background features a large, light gray rectangular frame containing a photograph of a grand building with multiple golden domes and arched windows. This central image is surrounded by a complex arrangement of overlapping blue and white geometric shapes, including triangles, diamonds, and circles of varying sizes. Some shapes have solid colors while others are semi-transparent, creating a sense of depth. The overall composition is dynamic and modern, set against a solid peach-colored background.

## RINGKASAN EKSEKUTIF



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Seksyen 31 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) mengkehendaki Suruhanjaya menyediakan satu (1) laporan tahunan mengenai aktivitinya dan dibentangkan di Parlimen. Selaras dengan peruntukan tersebut, Laporan Tahunan 2019 Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (selepas ini disebut Suruhanjaya) ini disediakan.

Laporan ini dibahagikan kepada lima (5) bab utama:

1. **Latar Belakang** - menerangkan sejarah penubuhan, peranan Suruhanjaya dan memperkenalkan anggota Suruhanjaya.
2. **Mesyuarat** - memaklumkan mesyuarat-mesyuarat Suruhanjaya sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta 695 iaitu Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman dan Mesyuarat Pemilihan.
3. **Pemilihan dan Pelantikan Hakim Mahkamah Atasan** - menjelaskan proses pemilihan dan pelantikan hakim mahkamah atasan di pelbagai peringkat mahkamah iaitu Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi berdasarkan kriteria yang ditetapkan dalam Akta 695.
4. **Akademi Kehakiman** - melaporkan program-program latihan dalam dan luar negara serta aktiviti penerbitan pada tahun 2019.
5. **Urus Setia Suruhanjaya** - menerangkan peranan dan fungsi Urus setia Suruhanjaya dan melaporkan peruntukan kewangan yang diluluskan dalam tahun 2019.

## SOROTAN 2019

### ► Mesyuarat

- Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman
- Mesyuarat Pemilihan

### ► Pelantikan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman

- Ketua Hakim Negara
- Presiden Mahkamah Rayuan
- Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya
- 5 orang Hakim Mahkamah Persekutuan
- 7 orang Hakim Mahkamah Rayuan
- 19 orang Hakim Mahkamah Tinggi
- 24 orang Pesuruhjaya Kehakiman

### ► Program Latihan Dalam Negara

- Kursus di bawah Pengendalian Hakim Kanan
  - ⇒ *Principles of Contractual Interpretation*
  - ⇒ *Appellate Judgment Writing*
  - ⇒ *How to Read Statutes*
  - ⇒ Program Induksi Pesuruhjaya Kehakiman Bil. 1/2019
  - ⇒ *Criminal Law: Evidence & Procedure*
  - ⇒ *Quantification of Damages*
  - ⇒ *Principles of Contractual Interpretation*
  - ⇒ *Law Reform & The Judiciary*
  - ⇒ Program Induksi Pesuruhjaya Kehakiman Bil. 2/2019
- Program yang Melibatkan Kerjasama dengan Agensi Lain
  - ⇒ *Quantification of Damages*
- Jemputan Penceramah dari Luar Negara
  - ⇒ *The Hon. Lord Justice Nicholas Green*, Pengerusi Suruhanjaya Undang undang United Kingdom
  - ⇒ *The Hon. Lord Justice Malcolm John David Wallis*, Hakim Mahkamah Tinggi Rayuan di Afrika Selatan
  - ⇒ *The Hon. Justice Judith Prakash, Judge of the Supreme Court of Singapore* dan;
  - ⇒ *The Hon. Justice Chao Hick Tin, Judge of the Court of Appeal of Singapore*

### ► Penerbitan

- *Journal of the Malaysian Judiciary* Edisi Januari dan Julai 2019



The background of the image features a light pink color with various abstract geometric shapes overlaid. These shapes include blue and grey triangles, circles, and arrows of different sizes, creating a dynamic and modern feel.

## LATAR BELAKANG



## LATAR BELAKANG

### Sejarah Penubuhan

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (Suruhanjaya) telah ditubuhkan dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695) yang diwartakan pada 8 Januari 2009. Penubuhan Suruhanjaya adalah merupakan satu inisiatif bagi memperkasa dan memperkuuh serta meningkatkan integriti badan kehakiman melalui proses pencalonan, pemilihan, pelantikan dan kenaikan pangkat hakim mahkamah atasan yang lebih telus dan adil. Sejak penubuhannya, Suruhanjaya telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya sebagai sebuah badan pelantikan kehakiman yang bebas berlandaskan kerangka perlembagaan.

### Peranan Suruhanjaya

Suruhanjaya adalah berperanan untuk menerima dan menimbang permohonan daripada orang berkelayakan ke jawatan hakim-hakim mahkamah atasan berdasarkan peruntukan seksyen 21 Akta 695. Selain melaksanakan fungsi utamanya iaitu memilih orang-orang berkelayakan sebagai hakim mahkamah atasan, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya untuk menambahbaik sistem keadilan di negara ini termasuk mengadakan program latihan untuk hakim-hakim mahkamah atasan serta menerbitkan jurnal kehakiman.

### Keanggotaan Suruhanjaya

Suruhanjaya dianggotai oleh sembilan (9) orang anggota termasuk Pengerusi. Keanggotaan Suruhanjaya adalah berdasarkan peruntukan yang telah ditetapkan di bawah Akta 695. Empat (4) orang anggotanya dilantik berdasarkan jawatan dalam badan kehakiman mengikut peruntukan subseksyen 5(1)(a),(b),(c) dan (d) Akta 695, manakala lima (5) orang anggotanya dilantik oleh Perdana Menteri berdasarkan peruntukan subseksyen 5(1)(e) dan (f) Akta 695. Mereka terdiri daripada seorang Hakim Mahkamah Persekutuan dan empat (4) orang terkemuka yang bukan merupakan anggota eksekutif atau perkhidmatan awam lain. Anggota Suruhanjaya ini dilantik oleh Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Peguam Malaysia, Pertubuhan Undang-Undang Sabah, Persatuan Peguambela Sarawak dan Peguam Negara Persekutuan.

## PELANTIKAN BERDASARKAN JAWATAN



YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat  
Ketua Hakim Negara



YAA Dato' Rohana binti Yusuf  
Presiden Mahkamah Rayuan



YAA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed  
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya



YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah  
Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah and Sarawak

## PELANTIKAN OLEH PERDANA MENTERI



YA Datuk Seri  
Haji Mohd Zawawi bin Salleh  
Hakim Mahkamah Persekutuan




YBhg. Dato' Seri  
Mohd. Hishamudin bin Md. Yunus  
Mantan Hakim Mahkamah Rayuan



YBhg. Datuk Linton Albert  
Mantan Hakim Mahkamah Rayuan



YBhg. Dato' Mah Weng Kwai  
Mantan Hakim Mahkamah Rayuan




YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Haji Shad Saleem Faruqi  
Professor, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya

## PENGHARGAAN

### PENGERUSI



Suruhanjaya merakamkan penghargaan kepada  
YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum  
atas sumbangan dan jasa sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman  
mulai 11 Julai 2018 hingga 12 April 2019.



Suruhanjaya juga merakamkan  
ucapan penghargaan kepada  
YBhg. Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin  
Haji Maarop  
dan  
YBhg. Tan Sri Zaharah binti Ibrahim  
atas sumbangan sebagai anggota  
Suruhanjaya masing-masing mulai  
1 Oktober 2015 hingga 24 November 2019  
dan 11 Julai 2018 hingga 16 Mei 2019.



### SETIAUSAHA SURUHANJAYA



Suruhanjaya juga merakamkan ucapan penghargaan kepada  
YBhg. Datuk Wan Khairilanwar bin Wan Muhammad  
(Setiausaha Suruhanjaya dari 15 Mei 2017 hingga 26 Februari 2019) dan  
YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim  
(Setiausaha Suruhanjaya dari 27 Februari 2019 hingga 21 Ogos 2019)  
atas sumbangan masing-masing.



# MESYUARAT



## MESYUARAT

### MESYUARAT SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN

Mesyuarat Suruhanjaya diadakan bagi membincangkan inisiatif untuk meningkatkan prestasi, pencapaian dan kecekapan badan kehakiman. Subseksyen 13(1) Akta 695 menetapkan bahawa Mesyuarat Suruhanjaya diadakan sekurang-kurangnya sekali pada setiap bulan. Pada tahun 2019, sebanyak 12 kali mesyuarat telah diadakan dan dua (2) daripadanya diadakan di luar Putrajaya.

Jadual 1: Mesyuarat Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman Tahun 2019

17 Januari 2019 (Khamis)	Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah
21 Februari 2019 (Khamis)	Istana Kehakiman, Putrajaya
14 Mac 2019 (Khamis)	Istana Kehakiman, Putrajaya
5 April 2019 (Jumaat)	Istana Kehakiman, Putrajaya
15 Mei 2019 (Rabu)	Istana Kehakiman, Putrajaya
20 Jun 2019 (Khamis)	Istana Kehakiman, Putrajaya
18 Julai 2019 (Khamis)	Istana Kehakiman, Putrajaya
22 Ogos 2019 (Khamis)	Istana Kehakiman, Putrajaya
19 September 2019 (Khamis)	Istana Kehakiman, Putrajaya
10 Oktober 2019 (Khamis)	Istana Kehakiman, Putrajaya
7 November 2019 (Khamis)	Kompleks Mahkamah Negeri Melaka
11 Disember 2019 (Rabu)	Istana Kehakiman, Putrajaya

## PROGRAM BERSEMPENA MESYUARAT SURUHANJAYA PELANTIKAN KEHAKIMAN

### ♦ Kota Kinabalu, Sabah

#### Pembukaan Tahun Perundangan 2019 di Sabah dan Sarawak

Bersempena dengan kehadiran semua anggota Suruhanjaya ke Pembukaan Tahun Perundangan 2019 di Sabah dan Sarawak pada 17 Januari 2019, Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 1 Tahun 2019 telah diadakan di Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu, Sabah.



### ♦ Melaka

#### Taklimat Mengenai Prestasi dan Statistik Pelupusan Kes Mahkamah-Mahkamah di Melaka

Bersempena dengan Mesyuarat Suruhanjaya Bil. 11 Tahun 2019 yang diadakan pada 7 November 2019 di Kompleks Mahkamah Melaka, anggota Suruhanjaya telah diberi taklimat Prestasi dan Statistik Mahkamah Tinggi Negeri Melaka oleh YA Datuk Wira Haji Ahmad Nasfy bin Haji Yasin, Hakim Mahkamah Tinggi Melaka; dan Prestasi dan Statistik Mahkamah Rendah Negeri Melaka oleh YBhg. Dato' Haji Mohd Nasir bin Nordin, Pengarah Mahkamah-Mahkamah Negeri Melaka.





## MESYUARAT PEMILIHAN

Suruhanjaya berperanan untuk menerima dan menimbang permohonan daripada orang berkelayakan ke jawatan hakim-hakim mahkamah atasan berdasarkan peruntukan seksyen 21 Akta 695. Hakim-hakim mahkamah atasan yang dimaksudkan di bawah Akta ini ialah Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman.

Pada tahun 2019, lima (5) Mesyuarat Pemilihan telah diadakan oleh Suruhanjaya. Calon- calon yang telah dipertimbangkan untuk pemilihan terdiri daripada Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan untuk pelantikan sebagai Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim-Hakim Besar Mahkamah Tinggi, Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan untuk pelantikan sebagai Hakim Mahkamah Persekutuan dan Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi untuk pelantikan sebagai Hakim Mahkamah Rayuan. Calon-calon untuk dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi pula adalah terdiri daripada Pesuruhjaya Kehakiman. Bagi pemilihan Pesuruhjaya Kehakiman, calon-calon adalah terdiri daripada Pegawai Kehakiman dan Perundungan serta Pengamal Undang-Undang.

Jadual 2: Mesyuarat Pemilihan Tahun 2019

17 Januari 2019 (Khamis)	Istana Kehakiman, Putrajaya
5 April 2019 (Jumaat)	Istana Kehakiman, Putrajaya
15 Mei 2019 (Rabu)	Istana Kehakiman, Putrajaya
18 Julai 2019 (Khamis)	Istana Kehakiman, Putrajaya
11 Disember 2019 (Rabu)	Istana Kehakiman, Putrajaya



The background features a light green color with abstract geometric shapes in teal and grey. These shapes include various sizes of triangles, diamonds, and circles, some with internal patterns like dots or crosses. They are scattered across the frame, creating a dynamic and modern feel.

## PELANTIKAN HAKIM



## PELANTIKAN HAKIM

### KRITERIA PEMILIHAN

Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 23 Akta 695 memperuntukkan syarat dan kelayakan bagi memilih hakim mahkamah atasan. Suruhanjaya juga telah menyediakan satu garis panduan berkenaan kriteria dan kualiti individu yang akan dipilih sebagai hakim mahkamah atasan. Kriteria-kriteria ini adalah untuk memastikan bahawa individu yang dipilih mempunyai kualiti peribadi, keupayaan intelektual, berpengetahuan dan mampu menyelesaikan pertikaian dengan adil serta membuat keputusan berdasarkan fakta dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695)

#### SEKSYEN 23 (1)

Seseorang calon layak bagi pemilihan jika dia memenuhi kehendak di bawah Perkara 123 Perlembagaan Persekutuan.

#### SEKSYEN 23 (2)

Dalam memilih calon, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira antara lain, kriteria berikut :

- (a) integriti, kompetensi dan pengalaman;
- (b) objektif, tidak berat sebelah, adil dan peribadi moral yang baik;
- (c) ketegasan, kebolehan membuat penghakiman tepat pada masanya dan kemahiran yang baik dalam penulisan undang-undang;
- (d) kerajinan dan kebolehan untuk menguruskan kes dengan baik; dan
- (e) kesihatan fizikal dan mental.

#### SEKSYEN 23 (3)

Seseorang yang merupakan hakim atau pesuruhjaya kehakiman yang sedang berkhidmat tidak boleh dilantik jika dia mempunyai tiga penghakiman atau lebih yang belum selesai atau alasan penghakiman yang belum ditulis yang terlewat enam puluh hari atau lebih dari tarikh penghakiman atau alasan penghakiman itu disifatkan cukup tempoh.


#### SEKSYEN 23 (4)

Dalam memilih calon, Suruhanjaya mestilah juga mengambil kira keperluan untuk menggalakkan kepelbagai dalam lingkungan kepakaran dan pengetahuan undang-undang dalam badan kehakiman.

## PROSES PEMILIHAN

Suruhanjaya melaksanakan proses pemilihan sebagaimana yang ditetapkan oleh seksyen 22(2)(a)(b) Akta 695. Selepas pemilihan dibuat, satu laporan lengkap akan dikemukakan kepada Perdana Menteri dengan memaklumkan nama-nama yang disyor dan asas-asas pertimbangan seperti mana yang diperuntukkan di bawah seksyen 26 Akta 695. Seksyen 27 Akta 695 memperuntukkan Perdana Menteri boleh meminta dua (2) nama lagi untuk dipilih dan disyorkan bagi pertimbangannya. Seksyen 28 Akta 695 pula menerangkan peranan Perdana Menteri untuk memberi nasihatnya mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan-peruntukan ini membantu Perdana Menteri dalam penyempurnaan peranannya dalam proses pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan. Ini bermakna kuasa Perdana Menteri dalam proses pelantikan hakim mahkamah atasan telah diperuntukkan serta diperjelaskan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Proses yang diperuntukkan di bawah Akta 695 merupakan proses pelantikan yang mendahului Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan.





## PELANTIKAN HAKIM MAHKAMAH ATASAN

Tahun 2019 menyaksikan beberapa pelantikan dan kenaikan pangkat di semua peringkat mahkamah. Jumlah keseluruhan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik pada tahun 2019 adalah seramai 58 orang. Dalam usaha untuk memperluaskan kepelbagaian calon-calon hakim mahkamah atasan dan meningkatkan keyakinan terhadap badan kehakiman, Suruhanjaya juga telah memilih calon Pesuruhjaya Kehakiman daripada pelbagai bidang kemahiran, latar belakang pendidikan dan pengalaman selain berdasarkan prestasi, kompetensi dan kualiti peribadi.

Jadual 3 : Pecahan bilangan Hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman yang dilantik pada tahun 2019

No.	Jawatan	Bilangan
1	Ketua Hakim Negara	1
2	Presiden Mahkamah Rayuan	1
3	Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya	1
4	Hakim Mahkamah Persekutuan	5
5	Hakim Mahkamah Rayuan	7
6	Hakim Mahkamah Tinggi	19
7	Pesuruhjaya Kehakiman	24
Jumlah		58

## PELANTIKAN KETUA HAKIM NEGARA, PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN DAN HAKIM BESAR MAHKAMAH TINGGI DI MALAYA

YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat telah dilantik sebagai Ketua Hakim Negara pada 2 Mei 2019 bagi menggantikan YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima Richard Malanjum yang bersara pada 12 April 2019. YAA Dato' Rohana binti Yusuf pula telah dilantik sebagai Presiden Mahkamah Rayuan pada 5 Disember 2019 menggantikan YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop yang bersara pada 24 November 2019. Sementara itu, YAA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed telah dilantik sebagai Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya pada 8 Ogos 2019 menggantikan YAA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim yang bersara pada 16 Mei 2019.



**Ketua Hakim Negara**  
YAA Tan Sri Tengku Maimun  
binti Tuan Mat



**Hakim Besar Mahkamah  
Tinggi di Malaya**  
YAA Tan Sri Dato' Sri  
Azahar bin Mohamed



**Presiden  
Mahkamah Rayuan**  
YAA Dato' Rohana  
binti Yusuf



## HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN



YA Datuk Vernon  
Ong Lam Kiat



YA Dato'  
Abdul Rahman  
bin Sebli



YA Puan Sri Dato'  
Zaleha binti Yusof



YA Dato'  
Zabariah binti  
Mohd. Yusof



YA Datuk  
Hasnah binti Dato'  
Mohammed Hashim

## HAKIM MAHKAMAH RAYUAN




YA Dato'  
Lee Swee Seng



YA Datuk Hajah  
Azizah binti  
Haji Nawawi



YA Datuk  
Vazeer Alam bin  
Mydin Meera




YA Tuan  
Ravinthran a/l  
N. Paramaguru



YA Dato'  
Hadhariah binti  
Syed Ismail



YA Dato'  
Abu Bakar bin Jais



YA Tuan  
Nantha Balan  
a/l E.S. Moorthy

## HAKIM MAHKAMAH TINGGI



YA Dato'  
Rozana binti  
Ali Yusoff



YA Dato'  
Abu Bakar bin Katar



YA Puan  
Hayatul Akmal  
binti Abdul Aziz



YA Dato'  
Faizah binti  
Jamaludin



YA Dato'  
Ahmad Kamal bin  
Md. Shahid



YA Puan  
Wong Chee Lin



YA Tuan Darryl  
Goon Siew Chye



YA Tuan Ismail  
bin Brahim



YA Tuan Dean  
Wayne Daly



YA Puan Celestina  
Stuel Galid



YA Dato'  
Roslan bin  
Haji Abu Bakar



YA Dato'  
Abd. Wahab  
bin Mohamed



YA Dato'  
Hassan  
bin Abdul Ghani



YA Puan  
Chan Jit Li



YA Dato'  
Muhammad Jamil  
bin Hussin



YA Dato'  
Wan Ahmad Farid  
bin Wan Salleh



YA Dato'  
Khadijah  
binti Idris



YA Dato' Sri Tun  
Abd Majid bin Dato' Azmi bin Abdullah  
Haji Tun Hamzah

PESURUHJAYA KEHAKIMAN



YA Dato' Sri  
Latifah binti  
Haji Mohd Tahar



YA Dato'  
Amarjeet Singh  
a/l Sérjit Singh



YA Tuan  
Awg Armadajaya  
bin Awg Mahmud



YA Datuk  
Duncan Sikodol



YA Tuan  
Muniandy  
a/l Kannyappan



YA Dr. Shahnaz  
binti Sulaiman



YA Puan  
Evrol Mariette Peters



YA Tuan  
Christopher  
Chin Soo Yin



YA Tuan  
Ong Chee Kwan



YA Puan  
Maidzura  
binti Mohammed



YA Tuan  
Mohd Radzi  
bin Abdul Hamid



YA Datuk Haji  
Aslam bin Zainuddin



YA Dato'  
Norsharidah  
binti Awang



YA Dato'  
Julie Lack



YA Dato'  
Fredrick Indran  
X.A. Nicholas



YA Tuan  
Wong Siong Tung



YA Tuan  
Khairil Azmi bin  
Haji Mohamad Hasbie



YA Tuan  
Leonard David Shim



YA Tuan  
Nadzarin bin  
Wok Nordin



YA Tuan  
George Varughese  
a/l K.O. Varughese



YA Tuan  
Quay Chew Soon



YA Tuan  
Wong Hok Chong



YA Tuan  
Atan Mustaffa  
bin Yussof Ahmad



YA Tuan  
Anand Ponnudurai



# AKADEMI KEHAKIMAN





## AKADEMI KEHAKIMAN

### AKADEMI KEHAKIMAN

Akademi Kehakiman telah ditubuhkan pada 16 Disember 2011 selaras dengan fungsi Suruhanjaya di bawah subseksyen 21 (1)(e) dan (f) Akta 695. Jawatankuasa Akademi Kehakiman pada masa ini dianggotai oleh lapan (8) orang hakim yang dipengerusikan oleh Ketua Hakim Negara.

Jadual 5: Keanggotaan Jawatankuasa Akademi Kehakiman

<b>Pengerusi</b>	
YAA Tan Sri Tengku Maimun binti Tuan Mat	Ketua Hakim Negara
<b>Ahli</b>	
YAA Dato' Rohana binti Yusuf	Presiden Mahkamah Rayuan
YAA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed	Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya
YAA Tan Sri Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah	Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak
YA Datuk Setia Haji Mohd Zawawi bin Salleh	Hakim Mahkamah Persekutuan
YA Tan Sri Idrus bin Harun	Hakim Mahkamah Persekutuan
YA Datuk Nallini Pathmanathan	Hakim Mahkamah Persekutuan
YA Datuk Vernon Ong Lam Kiat	Hakim Mahkamah Persekutuan
YA Datuk Dr. Badariah binti Sahamid	Hakim Mahkamah Rayuan
<b>Setiausaha</b>	
YBrs. Encik Qalam Zainuddin bin Sani	Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Bagi membolehkan Akademi Kehakiman menjalankan fungsinya dengan lebih berkesan, dua (2) jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Latihan dan Jawatankuasa Penerbitan. Jawatankuasa Latihan bertanggungjawab merancang, melaksanakan, memantau dan menilai program latihan dalam dan luar negara kepada hakim-hakim mahkamah atas, manakala Jawatankuasa Penerbitan pula diberi tanggungjawab menerbitkan jurnal.

## JAWATANKUASA LATIHAN

Perkembangan semasa dengan teknologi yang semakin canggih menjadikan bidang perundangan semakin mencabar dan menuntut kepada pembelajaran berterusan. Pembelajaran berterusan melalui program latihan merupakan salah satu komponen penting dalam pembangunan kerjaya seseorang hakim. Objektif utama pelaksanaan program latihan kepada hakim adalah untuk meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan kemahiran hakim-hakim selaras dengan perkembangan semasa bidang perundangan dalam dan luar negara. Keanggotaan Jawatankuasa Latihan adalah seperti berikut:

Jadual 6 : Keahlian Jawatankuasa Latihan

Pengerusi	YA Datuk Setia Haji Mohd Zawawi bin Salleh	Hakim Mahkamah Persekutuan
Ahli	YA Dato' Abang Iskandar bin Abang Hashim	Hakim Mahkamah Persekutuan
	YA Datuk Vernon Ong Lam Kiat	Hakim Mahkamah Persekutuan
	YA Datuk Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim	Hakim Mahkamah Persekutuan
	YA Dato' Mary Lim Thiam Suan	Hakim Mahkamah Rayuan
Urus Setia	YBrs. Encik Qalam Zainuddin bin Sani	Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman
	Puan Adibah Al-Husna binti Abdul Rahim	Timbalan Setiausaha Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

Pada tahun 2019, peruntukan keseluruhan yang telah dibelanjakan bagi membiayai kos pelaksanaan program latihan hakim-hakim mahkamah atasan adalah sebanyak RM144,390.00.

## PROGRAM LATIHAN

Berdasarkan perkembangan bidang kehakiman dan perundangan serta selari dengan perubahan keperluan semasa, program latihan yang dianjurkan oleh Akademi Kehakiman memberi tumpuan khusus kepada pentafsiran undang-undang, peraturan dan prosedur mahkamah serta kemahiran dalam pengurusan kes. Program latihan yang dilaksanakan adalah berbentuk kursus jangka pendek dan seminar. Sebahagian besar daripada program latihan yang dianjurkan oleh Akademi Kehakiman dikendalikan oleh hakim-hakim kanan di samping program kerjasama dengan agensi-agensi luar termasuk jemputan pakar perundangan dari dalam dan luar negera. Program ini secara umumnya berjaya meningkatkan pengetahuan dan kemahiran hakim dalam bidang perundangan serta memantapkan kualiti penghakiman.

Bagi meningkatkan keberkesanan, program latihan jangka pendek dilaksanakan secara interaktif dengan bilangan peserta yang kecil di antara 16 hingga 25 peserta setiap sesi.

Berdasarkan rekod, 100% Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman menghadiri sekurang-kurangnya satu (1) kursus dalam tahun 2019. 78% Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman menghadiri kursus sekurang-kurangnya dua (2) kali pada tahun ini.



## KURSUS/SEMINAR 2019

### ***PRINCIPLES OF CONTRACTUAL INTERPRETATION***

Kursus *Principles of Contractual Interpretation* telah diadakan pada 15 hingga 16 Februari 2019 di Dewan Persidangan, Istana Kehakiman, Putrajaya. Objektif kursus ini adalah untuk menyediakan peserta-peserta dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam pentafsiran kontrak-kontrak.

Seramai 23 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada 14 orang Hakim Mahkamah Tinggi dan sembilan (9) orang Pesuruhjaya Kehakiman. Barisan fasilitator kursus ini terdiri daripada YAA Datuk Seri Panglima David Wong Dak Wah, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak; YA Tan Sri Dato' Sri Azahar bin Mohamed, Hakim Mahkamah Persekutuan yang juga Pengurus Jawatankuasa Latihan, Akademi Kehakiman; YA Dato' Mary Lim Thiam Suan, Hakim Mahkamah Rayuan; dan YA Datuk Hasnah binti Dato' Mohammed Hashim; Hakim Mahkamah Rayuan. Kursus ini juga telah dihadiri oleh YAA Tan Sri Dato' Sri Ahmad bin Haji Maarop, Presiden Mahkamah Rayuan; dan YAA Tan Sri Zaharah binti Ibrahim, Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya.

Kursus ini telah dibahagikan kepada tiga (3) sesi iaitu pembentangan dan perbincangan pelbagai topik berkaitan oleh peserta-peserta, perbincangan kumpulan bagi tugasan kajian kes dan pembentangan hasil perbincangan mengikut kumpulan. Secara keseluruhannya, para peserta telah memberikan maklum balas yang amat baik ke atas kursus ini.

### Senarai Peserta

Bil.	Nama	Jawatan
1	YA Dato' Haji Ghazali bin Haji Cha	Hakim Mahkamah Tinggi Alor Setar
2	YA Dato' Haji Azman bin Abdullah	Hakim Mahkamah Tinggi Seremban
3	YA Puan Supang Lian	Hakim Mahkamah Tinggi Kuching
4	YA Dato' Lee Heng Cheong	Hakim Mahkamah Tinggi Kuching
5	YA Puan See Mee Chun	Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru
6	YA Dato' Haji Ahmad Nasfy bin Haji Yasin	Hakim Mahkamah Tinggi Melaka
7	YA Dato' Azmi bin Ariffin	Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam
8	YA Tuan Azizul Azmi bin Adnan	Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
9	YA Tuan Azhahari Kamal bin Ramli	Hakim Mahkamah Tinggi Kuching
10	YA Puan S.M. Komathy a/p Suppiah	Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam
11	YA Dato' Indera Haji Ab. Karim bin Haji Ab. Rahman	Hakim Mahkamah Tinggi Shah Alam
12	YA Dr. Choo Kah Sing	Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru
13	YA Datuk Mohd Firuz bin Jaffril	Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
14	YA Datuk Mairin bin Idang @ Martin	Hakim Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu
15	YA Tuan Abu Bakar bin Katar	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kangar
16	YA Dato' Roslan bin Haji Abu Bakar	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Shah Alam
17	YA Dato' Abd Wahab bin Mohamed	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu
18	YA Tuan Ismail bin Brahim	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu
19	YA Dato' Sri Tun Abd Majid bin Dato' Haji Tun Hamzah	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Shah Alam
20	YA Tuan Dean Wayne Daly	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Miri
21	YA Dato' Hajah Aliza binti Sulaiman	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
22	YA Puan Wong Chee Lin	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
23	YA Dr. Lim Hock Leng	Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi Sibu



## ***APPELLATE JUDGMENT WRITING***

